

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. JEFFREY GAPARI KITINGAN
[KENINGAU]**

TARIKH : 4 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN :

Datuk Dr. Jeffrey Gapari Kitingan [Keningau] minta MENTERI INDUSTRI UTAMA menyatakan :-

- (a) apakah rancangan Kementerian untuk memperkenalkan dan menggalakkan penanaman kenaf di Sabah memandangkan kenaf boleh ditanam di sawah-sawah padi di Sabah sebagai tanaman bergiliran dengan padi; dan
- (b) apakah insentif dan bantuan Kerajaan untuk penanam-penanam kenaf dan pengusaha-pengusaha industri kenaf di Sabah dan apakah insentif dan bantuan Kerajaan untuk penanam-penanam tembakau di Sabah memandangkan masih ramai penanam tembakau di Sabah khasnya di khalayak orang asal di luar bandar.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

- (a) Untuk makluman, kawasan penanaman padi yang ditanam dengan kenaf secara besar-besaran adalah di negeri Pahang, Kelantan dan Perlis. Pada tahun 2018, keluasan kawasan yang terlibat adalah seluas 713 hektar. Kenaf yang dibangunkan di kawasan ini telah berjaya meningkatkan hasil pengeluaran bukan sahaja tanaman kenaf tetapi juga padi. Selain meningkatkan pendapatan, aktiviti penggiliran tanaman kenaf dengan padi juga secara tidak langsung dapat mengurangkan kos kawalan penyakit kepada pekebun kecil. Kementerian melalui LKTN akan berkerjasama dengan Kerajaan Negeri Sabah bagi mengenalpasti kawasan tanaman padi yang sesuai untuk dibangunkan dengan tanaman ini.
- (b) Dalam usaha meningkatkan minat masyarakat untuk mengusahakan tanaman kenaf, Kerajaan menyediakan insentif sebagaimana berikut:
- i. bantuan input pertanian dan perkhidmatan mekanisasi sebanyak RM2,385 sehektar untuk penghasilan fiber;
 - ii. bantuan input pertanian dan perkhidmatan mekanisasi sebanyak RM3,000 sehektar untuk penghasilan benih; dan
 - iii. jaminan belian batang kenaf (kering) pada kadar RM500 setan.

Bagi tanaman tembakau pula, Kerajaan tidak lagi menggalakan tanaman ini dan tiada bantuan/insentif yang diberikan. Perkara ini selaras dengan komitmen Malaysia terhadap WHO *Framework Convention on Tobacco Control* (FCTC).

Sekian terima kasih.